

MODEL AL-QĀBISI DALAM PENDIDIKAN HIBRID: SOROTAN LITERATUR

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi¹, Zaharah Hussin¹ & Saedah Siraj¹

ABSTRACT

The rapid development of information technology has driven a global transformation in education systems towards a hybrid approach, which combines face-to-face and online learning. The challenges and weaknesses in tahfiz education today stem from curriculum-related issues and a lack of technological skills. In this context, there is a need to revisit classical Islamic educational models that emphasise values and character development. The al-Qābisi Model, founded by Abu al-Hasan Ali al-Qābisi, offers a holistic educational approach that highlights adab (ethics), the role of the teacher as a murabbi (moral educator), a gradual method of instruction, and a balance between knowledge and spirituality. This article discusses the importance of the al-Qābisi Model in strengthening a value-based, structured, and comprehensive hybrid education. By applying the educational principles of al-Qābisi, hybrid education has the potential to produce students who are not only academically excellent but also morally upright and resilient in the face of the challenges of the modern era.

Keywords: *Al-Qābisi Model, Islamic education, hybrid education, holistic teaching.*

[1]
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
lihinhafizi@gmail.com

[2]
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membawa kepada transformasi besar dalam sistem pendidikan global, termasuklah di Malaysia. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian ialah pendidikan hibrid, iaitu gabungan antara pembelajaran bersemuka dan dalam talian yang dianggap lebih fleksibel, adaptif, dan inklusif (Yusof et al., 2021). Namun, meskipun pendekatan ini memberikan kemudahan akses kepada ilmu dan membolehkan pembelajaran sendiri, ia turut mengundang cabaran dalam aspek pembentukan nilai dan sahsiah pelajar, khususnya dalam konteks pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara akal dan rohani (Abdullah & Hassan, 2019). Oleh itu, pendekatan pedagogi dalam pendidikan Islam perlu disesuaikan agar mampu berfungsi secara efektif dalam persekitaran hibrid.

Walau bagaimanapun, pendidikan tahfiz, yakni salah satu cabang utama dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia, masih menghadapi pelbagai kekangan daripada sudut kurikulum, pedagogi, dan kemahiran teknologi. Antara isu yang sering dibangkitkan termasuklah kurangnya integrasi antara kandungan akademik dan hafazan, penggunaan kaedah tradisional secara eksklusif tanpa inovasi, serta kelemahan dalam penyampaian berasaskan teknologi digital (Ismail & Zain, 2022; Ramli & Nordin, 2018). Ketidakeimbangan ini memberi kesan kepada perkembangan pelajar daripada aspek pemikiran kritis, kemahiran abad ke-21, serta keupayaan untuk mengaplikasikan nilai al-Quran dalam konteks kontemporari. Maka, terdapat keperluan untuk merangka semula pendekatan pendidikan tahfiz agar lebih relevan dan efektif dalam era digital.

Dalam menangani cabaran ini, model pendidikan Islam klasik perlu diberi perhatian semula sebagai asas kepada pembinaan semula sistem pendidikan yang berorientasikan nilai. Salah satu model yang berpotensi besar ialah Model al-Qābisi yang diasaskan oleh Abu al-Hasan Ali al-Qābisi, seorang tokoh ilmuwan Islam ketika abad ke-4 Hijrah. Model ini memberi penekanan kepada pembentukan adab, peranan guru sebagai murabbi, pendekatan pengajaran berperingkat, dan keseimbangan antara dimensi ilmu dan rohani (Ibrahim, 2020). Pendekatan holistik ini bukan sahaja sesuai diterapkan dalam sistem pendidikan tradisional, tetapi juga sangat relevan untuk disesuaikan dalam kerangka pendidikan hibrid masa kini. Oleh itu, penerapan prinsip-prinsip pendidikan al-Qābisi dalam pendidikan hibrid berpotensi memperkukuh sistem pendidikan Islam yang bukan sahaja menekankan kecemerlangan akademik, tetapi juga pembangunan sahsiah yang menyeluruh.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam era pendidikan abad ke-21, pendekatan hibrid yang menggabungkan kaedah tradisional dan digital semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan global. Pendidikan hibrid menekankan keseimbangan antara pembelajaran bersemuka dan dalam talian untuk memperkukuh kefahaman dan penguasaan pelajar. Namun demikian, integrasi ini memerlukan asas pedagogi yang kukuh. Kelemahan dalam pedagogi mendorong kepada ketidakmahiran guru dalam mengajar. Isunya termasuklah kaedah pengajaran yang terlalu tertumpu kepada hafazan semata-mata, mengakibatkan pengabaian terhadap pemahaman isi kandungan al-Quran, sekali gus menjejaskan penghayatan dan aplikasi nilai al-Quran dalam kehidupan harian (Abdullah & Hassan, 2019).

Selain itu, kesesuaian kurikulum adalah tidak relevan dan menyebabkan ketidakcapaian tahap dalam penilaian pelajar. Ketiadaan kurikulum standard dan sistem penilaian yang holistik turut menyukarkan usaha untuk menilai pencapaian mereka secara menyeluruh (Yusof et al., 2021). Tenaga pengajar yang tidak memiliki latihan profesional dalam bidang pedagogi turut menjadi penghalang kepada keberkesanan penyampaian ilmu (Ramli & Nordin, 2018). Kekangan ini turut diperburuk oleh kurangnya penggunaan teknologi pendidikan yang boleh membantu meningkatkan minat dan keupayaan pelajar dalam proses hafazan (Ismail & Zain, 2022).

Permasalahan ini memberi implikasi besar terhadap kualiti graduan tahfiz yang bukan sahaja kurang kompeten dalam hafazan, tetapi juga lemah dalam pemikiran kritis dan komunikasi. Justeru, permasalahan ini perlu ditangani secara sistematik melalui reformasi kurikulum, latihan guru, dan integrasi teknologi agar matlamat melahirkan *huffaz* yang seimbang daripada aspek rohani, intelektual, dan sosial dapat dicapai.

Justeru, Model al-Qābisi ialah salah satu pendekatan klasik yang kaya dengan prinsip pendidikan yang bersifat holistik, rohani, dan praktikal. Model ini juga mampu memberi sumbangan penting dalam membentuk kerangka pendidikan hibrid yang berteraskan nilai dan kesejahteraan insan. Maka, kajian tujuan utama dan objektif kajian ini adalah untuk menganalisis komponen utama dalam Model al-Qābisi dalam pendidikan hibrid.

LATAR BELAKANG AL-QĀBISI

Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad ibn Khalaf al-Qābisi, atau Abu Hassan, lebih dikenali sebagai al-Qabisi. *Laqab* (panggilan) yang digunakan terhadapnya adalah bersempena dengan nama sebuah kota di Tunisia. Pada abad ke-4 bertarikh 324H bersamaan 913M beliau dilahirkan dan meninggal dunia pada 420H, bersamaan 1009M (Ahmad Fu'ad al-Ahwani, 1955).

Sejak kecil beliau sudah menuntut ilmu di Kota Qairawan. Antara subjek yang dipelajari beliau dengan ulama-ulama di situ adalah seperti al-Quran, hadis, fiqh, bahasa Arab dan qiraat. Antara ahli sarjana Muslim yang paling banyak memberikan motivasi dan dorongan kepada beliau ialah Abu al-Abbas al-Ibyani yang sangat genius dalam ilmu fiqh Mazhab Maliki. Antara pendidik yang paling banyak membantu beliau pula adalah seperti Abu Muhammad Abdullah bin Mansur al-Najibi, Abdullah bin Mansur al-Ashal, Ziyad bin Yunus al-Yahsabi, Ali Al-Dibagh, dan Abdullah bin Abi Zaid. Al-Qabisi juga banyak menuntut ilmu dengan sarjana-sarjana Muslim di seluruh dunia seperti di Iskandariah, Tunisia, Qairawan, sekitar negara Mesir dan Afrika (Al-Dibagh, 1968; Gamal Abdul Nasir, 2003).

Al-Qabisi juga seorang insan yang cintakan ilmu pengetahuan kerana pernah menuntut ilmu daripada ulama-ulama yang masyhur dari Kaherah dan Hijaz serta beberapa sarjana Muslim semasa. Meskipun sedikit sebanyak mengalami masalah penglihatan, beliau mempunyai ilmu agama yang sangat luas, merangkumi ilmu pendidikan, al-Quran, hadis, fiqh dan usul, serta bahasa. Beliau adalah seorang penganut sejati dalam aliran Maliki. Al-Qabisi sangat masyhur dalam kalangan cendekiawan Islam yang lain, sangat merendahkan diri, alim, dan tidak menyukai kemewahan (Abdullah Amin al-Nukmy 1994; Ahmad Fu'ad al-Ahwani, 1955; Ahmad Khalid, 1986; al-Jumbulati & Abdul Futuh, 2002).

KOMPONEN UTAMA DALAM MODEL AL-QABISI

Model pendidikan yang diketengahkan oleh al-Qābisi tidak hanya menumpukan kepada pemindahan ilmu semata-mata, malah merangkumi aspek pembentukan akhlak, adab, struktur pengajaran, dan hubungan antara guru dan pelajar. Pendekatan ini mencerminkan falsafah pendidikan Islam yang holistik. Berdasarkan karya beliau *Risālah fī Ādāb al-Mu'allimīn*, dapat dikenal pasti beberapa komponen utama yang menjadi asas kepada model pengajarannya dan masih relevan untuk diterapkan dalam sistem pendidikan masa kini, termasuk dalam konteks pendidikan hibrid. Antaranya adalah seperti berikut:

Peranan Guru Sebagai Murabbi

Peranan guru dalam konteks pendidikan Islam tidak hanya terhad kepada penyampaian ilmu, tetapi juga sebagai murabbi, iaitu pendidik yang membimbing rohani, emosi, dan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Menurut Mohd Yusof (2019), seorang murabbi bertanggungjawab membentuk peribadi pelajar berdasarkan nilai-nilai Islam, bukan sekadar mengajar fakta akademik. Guru sebagai murabbi juga menjalankan peranan sebagai *qudwah* (teladan), mursyid (pembimbing), dan muaddib (pendisiplin), sebagaimana ditegaskan oleh al-Ghazali dalam *Ihya Ulumuddin*.

Kajian oleh Abdul Halim et al. (2021) menunjukkan bahawa pendekatan tarbiah yang diamalkan oleh guru murabbi memberi kesan mendalam terhadap pembentukan sahsiah pelajar, terutama dalam memupuk nilai akhlak, tanggungjawab, dan integriti. Hal ini selaras dengan falsafah pendidikan Islam yang menekankan kesepaduan antara ilmu dan akhlak.

Selain itu, guru sebagai murabbi juga perlu memiliki kefahaman yang mendalam terhadap psikologi pelajar dan mampu menggunakan pendekatan kasih sayang (*rahmah*) dalam mendidik, seperti yang ditegaskan oleh Mohd

Kamal Hassan (2010) bahawa pendekatan pendidikan berasaskan kasih sayang ialah kunci dalam melahirkan insan yang seimbang daripada sudut jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

Etika dan Adab dalam Pembelajaran

Etika dan adab dalam pembelajaran merupakan aspek penting dalam pendidikan, khususnya dalam konteks pendidikan Islam yang menekankan nilai akhlak dan sahsiah pelajar. Etika merujuk kepada prinsip moral yang mengawal tingkah laku individu dalam konteks pembelajaran, manakala adab merujuk kepada tatacara atau perlakuan yang sopan berdasarkan nilai budaya dan agama.

Menurut Al-Attas (1991), adab merupakan kunci utama dalam pendidikan kerana ia mencerminkan kedudukan ilmu yang benar dalam diri pelajar. Tanpa adab, ilmu boleh disalah guna dan hilang keberkatannya. Pandangan ini disokong oleh al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* yang menegaskan bahawa pencarian ilmu mesti disertai dengan pembersihan hati dan penghormatan terhadap guru serta rakan belajar.

Kajian oleh Mohd Zain et al. (2020) menunjukkan bahawa pelajar yang mengamalkan adab dalam kelas seperti mendengar dengan sopan, bertanya dengan tertib, dan menghormati pendapat orang lain, menunjukkan tahap motivasi dan pencapaian akademik yang lebih tinggi. Hal ini menunjukkan hubungan langsung antara adab dan keberkesanan proses pembelajaran.

Dalam konteks pembelajaran moden, etika pembelajaran juga meliputi pematuhan kepada integriti akademik, seperti tidak meniru, memplagiat, atau menipu dalam peperiksaan. Menurut Abdul Rahman dan Hashim (2021), cabaran etika dalam pembelajaran jarak jauh semakin meningkat dan memerlukan pendekatan didikan nilai secara sistematik agar pelajar bukan sahaja celik teknologi tetapi juga berakhlak mulia.

Kaedah Pengajaran yang Terancang

Pengajaran yang berkesan memerlukan perancangan yang teliti dan sistematik. Kaedah pengajaran yang terancang merujuk kepada pendekatan pedagogi yang dirancang dengan objektif pembelajaran yang jelas, kandungan yang relevan, aktiviti yang bersesuaian, dan penilaian yang sejajar. Perancangan ini memastikan proses penyampaian ilmu berlaku secara tersusun dan mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan.

Menurut Joyce et al. (2015), perancangan pengajaran yang baik membolehkan guru memilih strategi yang sesuai dengan keperluan pelajar dan objektif pelajaran. Kaedah seperti pembelajaran berasaskan masalah (PBL), inkuiri, dan kolaboratif perlu disusun dengan rapi agar pelajar dapat terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.

Kajian oleh Yunus dan Alias (2020) pula menunjukkan bahawa pengajaran yang dirancang rapi dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan mengurangkan beban kognitif. Guru yang merancang dengan menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dapat menggabungkan teknologi, aktiviti *hands-on*, dan pembelajaran sendiri secara lebih berkesan.

Di samping itu, penekanan terhadap *lesson planning* turut dinyatakan oleh Ornstein dan Hunkins (2018) yang menegaskan bahawa kurikulum yang baik mesti diiringi dengan pengajaran yang tersusun agar capaian pembelajaran tidak bersifat reaktif atau *ad hoc*. Hal ini penting bagi memastikan pembelajaran kekal bermakna dan berimpak tinggi.

Kepentingan Model al-Qābisi dalam Konteks Pendidikan Hibrid

Dalam persekitaran pendidikan hibrid, pelajar berhadapan dengan kebebasan yang lebih tinggi, khususnya dalam pembelajaran sendiri atas talian. Model al-Qābisi dapat membantu meletakkan asas adab dan disiplin sendiri melalui penekanan kepada niat yang betul (*niyyah*), penghormatan terhadap ilmu dan guru, serta tanggungjawab moral dalam menuntut ilmu (Ismail, 2016). Ia sekali gus dapat membentuk nilai dan etika dalam pembelajaran. Guru perlu memainkan peranan aktif dalam memastikan elemen adab dan akhlak terus ditanamkan walaupun melalui medium digital (Azra, 2012).

Dalam pendidikan hibrid, guru memainkan peranan penting sebagai fasilitator, bukan sekadar penceramah. Dalam model al-Qābisi, ia menekankan aspek murabbi, iaitu guru yang membimbing pelajar secara menyeluruh dan sejajar dengan peranan guru moden dalam pendidikan hibrid yang melibatkan pemantauan emosi, sosial, dan akademik pelajar (Halim & Azhar, 2019). Selain itu, interaksi dan komunikasi maya antara guru dan pelajar yang baik dapat memudahkan segala perkara, terutama dalam pembelajaran.

Selain itu, pendidikan hibrid tidak hanya tertumpu kepada kemahiran teknikal atau penguasaan kandungan, tetapi juga keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat. Model Al-Qābisi menyarankan agar kurikulum tidak diasingkan antara ilmu *aqli* (rasional) dan *naqli* (wahyu), satu prinsip yang penting dalam membina modul pendidikan hibrid bersepadu (Ahmad & Zain, 2018). Pendekatan ini dapat mengintegrasikan dimensi rohani, menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan seimbang, selaras dengan falsafah pendidikan Islam yang bertujuan membentuk insan yang sejahtera jasmani, emosi, rohani, dan intelek (Mohd Zain, 2020)

Kaedah pengajaran al-Qābisi menggalakkan penyampaian ilmu secara bertahap dan bersistematik dalam konteks reka bentuk modul pembelajaran dalam talian yang bersifat modular dan berstruktur. Struktur ini membantu memastikan keberkesanan penyampaian kandungan dalam kedua-dua mod bersemuka dan dalam talian (Salleh et al., 2021).

KESIMPULAN

Model al-Qābisi menawarkan prinsip asas pendidikan Islam yang amat relevan dalam membangunkan sistem pendidikan hibrid yang bersepadu antara nilai, adab, dan teknologi. Dengan mengintegrasikan unsur-unsur dalam Model al-Qābisi, pendidikan hibrid bukan sahaja menjadi lebih efektif daripada segi penyampaian, malah lebih bermakna daripada segi pembentukan sahsiah dan roh pelajar. Nilai-nilai pendidikan berasaskan adab, pendekatan holistik, dan peranan guru sebagai murabbi merupakan elemen yang kritikal dalam memastikan keberkesanan pendidikan hibrid menurut acuan Islam. Ciri-ciri ini selari dengan keperluan pendidikan hibrid masa kini yang menuntut keseimbangan antara teknologi dan nilai-nilai kemanusiaan. Dalam era transformasi digital pendidikan, penerapan model al-Qābisi dapat menjadi asas kukuh bagi memastikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu secara efektif, tetapi juga membina jati diri pelajar yang beretika dan berakhlak. Oleh itu, integrasi Model al-Qābisi ke dalam reka bentuk pedagogi hibrid berpotensi menjadi pemacu kepada pembangunan sistem pendidikan Islam yang lebih holistik, lestari, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran abad ke-21.

RUJUKAN

- Abdullah, N., & Hassan, R. (2019). Pemahaman al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz: Isu dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 34(2), 45-58.
- Abdul Halim, N., Zakaria, M., & Hasan, S. (2021). Pendekatan tarbiah dalam pembentukan sahsiah pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 45-58.
- Abdul Rahman, A., & Hashim, R. (2021). Cabaran etika dalam pembelajaran jarak jauh: Satu analisis. *Malaysian Journal of Distance Education*, 23(2), 41–57.
- Ahmad, A. R., & Zain, M. Z. M. (2018). Konsep pendidikan Islam menurut al-Qābisi dan implikasinya terhadap kurikulum pendidikan kontemporari. *Jurnal Pendidikan Islam*, 26(2), 45–58.
- Ahmad Fu'ad al-Ahwani. (1955). *Al-Tarbiyah al-Islamiyah aw al-Ta'lim fi Ra'y al-Qabisi*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyah
- Ahmad Khalid. (1986). *Al-Qabisi, Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-mutaallimin wa ahkam al-mualimin wa mutaallimin*. Syarikat Percetakan Tunis.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam*. ISTAC.
- Al-Dibagh, Abdul Rahman Muhammad (1968), al-(1968), *Ma'alim al-Imam fi al-Ma'rifat Ahli al-Qairawan*. Maktabah al-K.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din (Terjemahan)*. Pustaka Azzam.
- Azra, A. (2012). *Pendidikan Islam: Tradisi dan modernisasi menuju milenium baru*. Kencana.

- Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), *Prinsip-prinsip pendidikan Islam (Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun)*. PTS Publication & Distributor.
- Halim, A., & Azhar, A. (2019). The integration of Islamic pedagogy in 21st-century learning: A model derived from al-Qābisi's philosophy. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 9(1), 01–115.
- Hassan, M. K. (2010). *The Integrated and holistic human development philosophy in education: A reflection on the Islamic perspective*. IIUM Press.
- Ibrahim, N. (2020). Konsep pendidikan dalam pemikiran al-Qābisi dan kaitannya dengan pembentukan insan. *Jurnal Turath Islami*, 5(1), 10–22.
- Ismail, Z. (2016). Etika dan adab pelajar dalam perspektif al-Qābisi dan aplikasinya dalam sistem pendidikan moden. *International Journal of Islamic Education*, 2(1), 20–34.
- Ismail, A. R., & Zain, M. N. (2022). Integrasi teknologi dalam pengajaran tahfiz: Analisis keperluan dan potensi. *Jurnal Inovasi Pendidikan Islam*, 7(1), 15–26.
- Joyce, B., Weil, M., & Calhoun, E. (2015). *Models of teaching* (9th ed.). Pearson.
- Mohamad, M., & Ibrahim, N. (2021). Keberkesanan pendekatan pedagogi dalam pendidikan tahfiz di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Pendidikan*, 3(2), 60–72.
- Mohd Zain, M. Z. (2020). Model pendidikan Islam holistik: Teori dan aplikasi. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 1–15.
- Mohd. Yusof, N. (2019). *Guru sebagai murabbi dalam pendidikan Islam*. Penerbit UM.
- Mohd Zain, M. Z., Musa, N., & Halim, N. A. (2020). Adab pelajar dalam pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 22-30.
- Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (2018). *Curriculum: Foundations, principles, and issues* (7th ed.). Pearson Education.
- Ramli, H., & Nordin, S. (2018). Kompetensi guru tahfiz: Cabaran dan keperluan latihan profesional. *Jurnal Pendidikan Guru*, 10(1), 23–35
- Yunus, M. M., & Alias, A. A. (2020). Strategi pengajaran terancang dan implikasinya terhadap pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 15-28.
- Yusof, M. R., Ahmad, K., & Salleh, S. (2021). Keperluan standardisasi kurikulum tahfiz: Satu tinjauan awal. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 9(3), 78–88.